

Mat Afrika bertegang urat

Persoal penahanan rakan di pusat snuker oleh imigresen sedangkan kolej didakwa beri jaminan mereka selamat

FOTO | Owee Ah Chun

>>Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@hmetro.com.my

NILAI: Tindakan pengurusan institusi pengajian tinggi swasta memberi maklumat salah kepada pelajarinya dipercayai antara punca 'ketegangan urat' tercetus apabila beberapa pelajar Afrika mempersoalkan tindakan Jabatan Imigresen Negeri Sembilan menahan beberapa rakan mereka di sebuah pusat snuker di sini, kelmarin.

Pengarah Imigresen negeri, Faizal Fazri Othman berkata, beberapa pelajar warga Afrika itu meminta penguat kuasa memberikan penjelasan kenapa rakan mereka ditahan walaupun sudah menunjukkan surat pengesahan serta kad pelajar.

Katanya, sebahagian pelajar ditahan mendakwa pengurusan kolej memaklumkan mereka tidak akan ditahan pihak berkuasa de-



TAHAN...antara warga Afrika yang ditahan untuk pemeriksaan, kelmarin.

ngan menunjukkan surat pengesahan pelajar dikeluarkan mereka.

"Setengah pelajar yang ditahan kerana tidak mempunyai dokumen perjalanan sah mendakwa pasport mereka sedang diproses Jabatan Imigresen bagi permohonan ser-

ta pembaharuan pas pelajar.

"Mereka mendakwa, pihak pengurusan mengeluarkan surat ditandatangani pegawai atasan kolej dan memberitahu pelajar terbabit boleh menunjukkan surat itu apabila diperiksa pihak berkuasa," katanya ketika ditemui

dalam Ops 6P di sebuah kolej di Nilai, semalam.

Beliau berkata, pihak kolej sepatutnya meminta surat pengesahan daripada Jabatan Imigresen untuk diberikan kepada pelajar terbabit, bukan mengeluarkan surat sendiri yang tidak diterima ma-

na-mana agensi penguatkuasaan.

Selain itu, katanya, pihak kolej perlu berusaha memberi penjelasan kepada pelajar mengenai undang-undang imigresen di negara ini kerana ramai pelajar yang diperiksa tidak memahaminya, malah

mempertikaikan tindakan penguat kuasa meminta dokumen asal mereka.

Faizal Fazri berkata, dalam operasi 6P yang bermula kira-kira jam 9 malam dan berakhir enam jam kemudian itu seramai 24 warga asing ditahan kerana gagal mengemukakan dokumen yang sah.

"Dalam empat serbuan berasingan, kami menahan 20 lelaki dan empat wanita yang terdiri daripada warga Afrika, Myanmar, Mesir, Nepal berusia 18 hingga 35 tahun dan dipercayai pelajar di sebuah kolej di sini.

"Semua ditahan tidak membawa sebarang dokumen sah ketika serbuan dilakukan. Malah, mendakwa dokumen mereka disimpan pihak pengurusan kolej bagi memproses kad pelajar," katanya.

Menurutnya, pihaknya akan menyasiat dakwaan itu bagi memastikan status sebenar warga asing terbabit sebelum mengambil tindakan lanjut.

PUTRAJAYA: Kerajaan perlu memperketatkan kemasukan warga Afrika ke negara ini berikutan semakin banyak kes jenayah membabitkan mereka dilaporkan sekali gus boleh mengancam keharmonian penduduk.

Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, walaupun negara ini bersikap liberal dan membenarkan warga asing berkunjung sama ada untuk melancong, perniagaan, belajar dan sebagainya, namun kemasukan warga Afrika sejak kebelakangan ini perlu diberi perhatian serius.

"Pihak berkuasa perlu kaji semula kemasukan mereka, tetapi bukan mengharamkannya. Ini kerana kita menyalu-alukan kedatangan warga asing tetapi tidak ke-

Perketat kemasukan warga benua Afrika

pada mereka yang melakukan jenayah.

"Mungkin kerajaan boleh membuat pemeriksaan dengan meminta warga Afrika memberikan maklumat latar belakang dengan lebih terperinci sebelum dibenarkan belajar atau melancong ke sini," katanya ketika dihubungi Harian Metro, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kejadian jenayah membabitkan warganegara terbabit dan terbaru, akhbar ini melaporkan pada Sabtu lalu, cubaan seorang lelaki warga Nigeria cuba meloloskan diri daripada di-

berkas pegawai imigresen, di Kota Laksamana, Melaka bertukar tragedi apabila dia parah terlanggar tembok batu.

Lelaki berusia 30-an itu tiada dokumen pengenalan diri dan mengaku pelajar pada awalnya ditahan dalam Ops Gagak Hitam.

Dalam satu lagi kejadian membabitkan 'Awang Hitam' di Hospital Kuala Lumpur, baru-baru ini, seorang warga Nigeria yang disyaki pengedar dadah, ditembak mati selepas mengamuk dan cuba menyerang anggota polis yang mengawalinya.

>Sistem Tier tapis kemasukan pelajar asing

KUALA LUMPUR: Kemasukan warga asing terutama dari Afrika yang ingin melanjutkan pelajaran di institut pengajian tinggi (IPT) tempatan, termasuk kolej swasta di negara ini akan ditapis secara ketat menggunakan sistem baru bermula tahun depan.

Sistem baru menggunakan pakai kaedah Sistem Tier (tapisan) dilaksanakan negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom itu, dilihat mampu menangani masalah banjir pelajar asing 'palsu' di negara ini yang banyak menyumbang kepada masalah sosial dan kegiatan jenayah.

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri

(KDN), Tan Sri Mahmood Adam, berkata melalui sistem berkenaan hanya pelajar yang benar-benar mendapat tempat, selain mempunyai pengesahan dari sesebuah IPT tempatan dibenarkan memasuki negara ini dan diberikan visa pelajar.

"Di beberapa negara maju menggunakan Sistem Tier ini, ia terbukti berkesan mengekang kemasukan pendatang asing cuba menyalahgunakan status pelajar untuk menetap dan bekerja secara haram.

"Kaedah ini sekali gus membantu negara terbabit menangani masalah pendatang asing. Justeru, sudah tiba masa kita turut

melaksanakan pendekatan sama membendung banjir warga asing terutamanya Afrika yang kebanyakan menggunakan alasan sebagai pelajar untuk terus tinggal di negara ini," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Menurutnya, melalui pelaksanaan Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (6P) dan 'Ops Gagak Hitam' yang dijalankan Jabatan Imigresen dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan sejak 1 Disember lalu, kebanyakan warga Afrika dikesan menggunakan alasan sebagai pelajar ketika mereka ditahan.